



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

WARGA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN MENYERTAI MISI BANTUAN MANGSA BANJIR KWP KE KUANTAN, PAHANG

18 Disember 2013, Putrajaya – YB Dato' Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan hari ini melaksanakan *flag off* kepada 50 sukarelawan dari Kementerian Wilayah Persekutuan yang menyertai Misi Bantuan Banjir Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) ke Kuantan, Pahang.

Sukarelawan KWP akan menyertai Pasukan Sukarelawan DBKL yang telah mula berada di Kuantan sejak 11 Disember 2013 yang lalu. Pasukan Sukarelawan ini akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan membaik pulih kediaman dan kawasan sekitar yang dilanda banjir bagi membantu mangsa-mangsa banjir di Kg Sungai Isap Perdana.

KWP dengan kerjasama DBKL memperuntukan sebanyak RM100,000.00 bagi menjayakan misi bantuan ini. Pihak KWP dengan kerjasama SINGER Malaysia turut menyediakan 300 unit cerek elektrik dan 300 unit dapur gas yang akan diedarkan terus kepada mangsa banjir di Taman Sungai Isap Murni dan Sungai Isap 1.

Manakala, Kelab Kebajikan Dan Sukan Wilayah Persekutuan (KESWIP) memberikan sumbangan dalam bentuk wang tunai sebanyak **RM23,304.80** yang disampaikan oleh YBhg. Dato' Mohd Jamal Mahusin, Timbalan Ketua Setiausaha, Perancangan dan Pembangunan KWP. Sumbangan wang tunai ini akan diterima oleh YB Dato' Muhammad Safian Ismail, Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang bagi tujuan membantu mangsa-mangsa banjir di Kuantan.

Misi Bantuan Mangsa Banjir KWP ke Kuantan ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada warga kementerian dalam mempertingkatkan dan membangunkan modal insan di kalangan warga kerja KWP. Ianya juga bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan mempelajari kaedah pengurusan banjir yang lebih sistematik dan terancang. Pasukan sukarelawan ini akan mendapat pengalaman, pendedahan dan mewujudkan sikap prihatin di kalangan warga kementerian untuk berdepan dan menghadapi bencana banjir sekiranya berlaku di Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur.

Diharapkan dengan misi bantuan kepada mangsa banjir ini akan dapat meringankan beban mangsa banjir serta mengurangkan kepenatan mereka dalam membersihkan tempat kediaman dan tempat-tempat awam selepas dilanda banjir. Disamping itu, penyerahan bantuan ini diharap akan dapat membantu sedikit sebanyak mangsa yang terlibat dalam menghadapi bencana banjir yang berlaku dari aspek kewangan.

Disediakan oleh:

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
Kementerian Wilayah Persekutuan

18 Disember 2013
PUTRAJAYA